

TEKNOLOGI PENDORONG KEPADA TRANSFORMASI CORAK PENULISAN BERITA PILIHAN RAYA MALAYSIA

(*Technology Propellant for the Transformation of Election News Writing Patterns in Malaysia*)

Mohd Zuwairi Mat Saad & Normah Mustaffa

ABSTRAK

Berita memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat dari aspek sosial, ekonomi mahupun politik dengan menggunakan konsep asal corak penulisan berita pada awalnya. Kini corak penulisan telah mengalami transformasi. Secara global, perubahan corak penulisan berita telah lama berlaku di negara-negara barat sejak tahun 1930-an terutamanya berita yang berkaitan dengan pilihan raya yang membingkaikan isu-isu politik. Corak penulisan konvensional yang masih menjadi pegangan sehingga kini, wartawan menggunakan konsep deskriptif dengan memberi penekanan kepada 5W1H. Akan tetapi kini, pengkaji tempatan turut menemukan bahawa corak penulisan wartawan mula mengalami perubahan dengan memasukkan elemen-elemen interpretif seperti ‘menganalisis’, ‘menerangkan’ dan ‘menilai’ dalam corak penulisan berita di Malaysia. Malah penekanan bukan hanya terhadap isu akan tetapi pelaporan berita mengenai sosial, politik dan budaya lebih memberi penekanan kepada proses memaklumkan dan menerangkan sesuatu maklumat kepada khalayak. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada faktor-faktor yang menyebabkan perubahan corak penulisan ini berlaku. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam terhadap enam orang wartawan untuk menjawab persoalan kajian. Informan bagi temu bual bersemuka ini ialah pengamal media Malaysia iaitu wartawan akhbar cetak (Utusan Malaysia dan Berita Harian) daripada latar belakang, peranan yang berbeza dan berpengalaman dalam kewartawaran politik. Wartawan yang dipilih untuk kajian ini merupakan wartawan semasa atau bekas wartawan yang menulis artikel atau laporan berita mengenai isu semasa pilihan raya dari akhbar cetak merupakan informan kajian ini. Hasil kajian melalui temu bual mendalam menemukan bahawa perubahan corak penulisan adalah disebabkan faktor dalaman dan luaran dan melibatkan tujuh faktor secara keseluruhan. Tujuh faktor adalah seperti pengaruh corak pemberitaan, kepentingan organisasi, kemahiran wartawan, corak politik, corak pemikiran masyarakat, teknologi, kelahiran wartawan warga.

Kata kunci: deskriptif, penafsiran, penulisan berita, wartawan, pilihan raya

ABSTRACT

News plays an important role in disseminating information on the social, economic or political aspect, using the original concept at first. Now writing pattern has undergone a transformation. Globally, since the 1930s, changing patterns of news writing has long been accepted in western countries, especially news related to framing electoral political issues. The conventional style of writing is still be holding up till now, journalists use a descriptive concept with emphasis on 5W1H. But now, researchers also found that the pattern of local reporters write up are being

amended by inserting interpretive elements such as 'analyze', 'explain' and 'evaluate' in the pattern of news writing in Malaysia. In fact, the emphasis is not only on the issue but the news reporting are about the social, political and cultural aspect emphasis more on the process to inform and explain information to the audience. Therefore, this study will focus on the factors that cause changes in the pattern of writing that occurs. This study used in-depth interviews with six reporters to answer the research questions. The reporters are Malaysian media practitioner of the print newspaper (Utusan Malaysia and Berita Harian) and they were being interviewed on the background, different roles and experience in political journalism. Journalists who were selected for this study were current or former journalist journalists who write articles or news reports on the issue during the election of a printing press informants in this study. The results of the study through in-depth interviews found that the change in the pattern of writing is due to internal and external factors and involved seven factors overall. Seven factors that influence the pattern are influences in style of reporting, interest organizations, the skills of journalists, political pattern, the mindset of society, technology and the emergence of citizen journalists.

Keywords: descriptive, interpretive, news writing, journalist, elections

PENGENALAN

Dunia kewartawanan memainkan peranan penting sebagai penyebar maklumat, penterjemah atau pemerhati kepada kerajaan selain daripada memberi kesan positif kepada masyarakat menerusi penulisan laporan berita semasa menyampaikan maklumat (Weaver & Wilhoit 1996; Weaver 1998). Dalam penyampaian maklumat wartawan menggunakan konsep piramid terbalik dengan persoalan ‘Siapa?’, ‘Apa?’, ‘Di mana?’, ‘Bila?’, ‘Kenapa?’ dan ‘Bagaimana?’ (5W1H) dalam laporan berita melalui media seperti akhbar cetak, dalam talian mahupun elektronik (David 2014). Salgado dan Stromback (2011) menyatakan bahawa wartawan yang menggunakan konsep 5W1H dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada khalayak adalah mereka yang menggunakan corak penulisan deskriptif.

Wartawan yang menggunakan corak penulisan deskriptif dalam menyampaikan maklumat mengenai sesuatu peristiwa mempunyai nilai berita tersendiri. Menurut Erik (2011), wartawan membawa khalayak ke tempat kejadian sesuatu peristiwa yang mempunyai nilai berita dan menggambarkan apa yang telah berlaku melalui corak penulisan yang menumpukan kepada corak penulisan deskriptif. Menurutnya lagi, wartawan terpaksa bergantung kepada tindakan dan kenyataan sumber yang berwibawa untuk membuat keputusan tentang perkara yang patut dijadikan berita ekoran daripada ketiadaan kebebasan dalam pemilihan kepentingan sesuatu isu. Setiap hari pelbagai aktiviti dan peristiwa yang berlaku di Malaysia didokumenkan dalam bentuk berita sama ada dalam media cetak mahupun media elektronik. Akan tetapi tidak semua aktiviti mahupun peristiwa tersebut dijadikan sebagai berita (Fleming, Hemmingway, Moore, & Welford, 2004; Lippmann, 2006).

Isu-isu yang dilaporkan oleh media dalam bentuk berita memainkan peranan penting kepada khalayak dalam meningkatkan kesedaran awam, mengumpul pandangan, bermaklumat dan memberi kesan ke atas sikap terhadap isu tertentu (Pradeep Kumar Dwivedi, & Ingita Pandey 2013). Hal ini menunjukkan bahawa media adalah medium terbaik dalam menyebarkan maklumat sama ada dalam isu sosial, ekonomi mahupun politik terhadap khalayak. Bagi

mengukuhkan lagi peranan media, Schramm (1964) dalam bukunya *Mass media and national development: The role of information in the developing countries*, menyatakan bahawa maklumat yang disampaikan oleh media mempunyai peranan yang penting dalam aspek pendidikan, sosial maupun ekonomi.

Kini corak penulisan berita tidak tertumpu pada corak penulisan deskriptif semata-mata. Corak penulisan berita mengalami transformasi daripada deskriptif kepada interpretif. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zuwairi Mat Saad, Normah Mustaffa, Abdul Latiff Ahmad dan Badrul Redzuan Abu Hassan (2016) membuktikan bahawa corak penulisan berita dalam akhbar arus perdana Malaysia mempunyai unsur-unsur interpretif. Ahmad Murad Merican (2001) menyatakan bahawa penekanan bukan hanya terhadap isu akan tetapi pelaporan berita mengenai sosial, politik dan budaya lebih memberi penekanan kepada proses memaklumkan dan menerangkan sesuatu maklumat kepada khalayak. Jika dilihat situasi di negara Barat, perubahan corak penulisan ini telah berlaku sejak daripada tahun 1930-an lagi. Kajian yang dilakukan oleh Forde (2007), Landers (2005), dan Schudson (1978) semasa revolusi *American Society of Newspaper Editors' (ASNE)* pada tahun 1933 sarjana-sarjana menggalakkan akhbar memberi ruang dan tumpuan pada aspek penjelasan dan berita digalakkan bercorak interpretif.

Perubahan ini adalah disebabkan terdapat pengaruh yang berkemungkinan mempengaruhi wartawan dalam corak penulisan. Menurut Shoemaker, Vos & Reese (2009) proses suntingan dalam bilik berita melibatkan kandungan berita. Selain itu, pengaruh komersil (Hanusch, Hanitzsch, & Lauerer, 2015), yang melibatkan pengaruh dalaman dan luaran juga terpaksa dihadapi oleh wartawan dalam dunia kewartawanan (Shoemaker & Reese, 1996). Seiring dengan perkembangan teknologi, ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada kerjaya sebagai seorang wartawan (Schudson, 2005). Berbalik kepada pengaruh wartawan, terdapat pelbagai pengaruh terpaksa dihadapi oleh wartawan semasa melakukan rutin kerja harian mereka dalam dunia kewartawanan. Pengkaji Donsbach (2004), Schudson (2000), Shoemaker & Reese (1996) menstrukturkan pengaruh terhadap wartawan dengan mencadangkan pengkategorian hasil daripada gabungan empat faktor dan setiap faktor menggambarkan pembuat keputusan wartawan dalam laporan berita.

Faktor-faktor tersebut diperoleh daripada pelbagai penemuan kajian empirikal tentang pengaruh ke atas wartawan. Manakala empat faktor yang dikatakan tersebut ialah subjek bidang termasuk pengaruh individu sebagai seorang wartawan, seperti motivasi profesional, tingkah laku politik, status sosial, dan sebagainya. Faktor kedua melibatkan profesion lebih cenderung ke arah pengaruh individu ke atas pemahaman yang lebih kolektif tentang profesion kewartawanan termasuk kod etika, garis panduan profesional, atau nilai-nilai berita. Manakala yang ketiga merupakan faktor institusi bidang termasuk pengaruh daripada organisasi media dan berita seperti struktur ekonomi, institusi berat sebelah, atau darjah kebebasan wartawan dalam sesebuah organisasi. Faktor masyarakat merupakan faktor yang keempat mencakupi sistem media, iaitu tentang wartawan ditempatkan. Faktor ini termasuklah definisi kebebasan media, budaya politik masyarakat, pasaran media, dan sebagainya.

Justeru itu, perubahan corak penulisan juga disebabkan oleh beberapa perkara yang melibatkan media dan juga konsep kewartawanan bagi setiap negara. Menurut Salgado dan Stromback (2011), perbezaan corak penulisan mungkin terjadi dalam kepelbagaiannya media dan perbezaan

negara dalam konteks corak kajian dan hubungan antara ciri-ciri lain dalam kewartawanan. Mohd Zuwairi Mat Saad et al. (2016) turut menyatakan bahawa rentetan kajian sebelum ini yang membuktikan bahawa terdapat perubahan yang berlaku dalam corak penulisan, kajian seterusnya perlu mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan transformasi berlaku dalam dunia kewartawanan Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi wartawan dalam perubahan corak penulisan?
- ii. Adakah faktor dalaman atau luaran yang mempengaruhi wartawan dalam perubahan corak penulisan?

TRANSFORMASI BERITA INTERPRETIF DALAM MEDIA

Perubahan corak penulisan berlaku sejak tahun 1930-an bermula di negara barat. Benua Amerika mengalami kegawatan ekonomi yang kritikal sehingga memberi impak yang besar terhadap dunia kewartawanan (Bondi, Harris-Fain, & Hipp, 1995). Liputan terhadap wartawan tidak bergantung pada corak penulisan konvensional semata-mata. Pada ketika ini wartawan digalakkan memberi lebih penerangan terhadap apa yang berlaku dengan menggunakan elemen interpretif dalam penulisan berita (Forde, 2007). Transformasi corak penulisan keseluruhannya melibatkan kesemua media iaitu akhbar, televisyen, radio dan internet.

Kajian yang dijalankan oleh Barnhurst dan Mutz (1997) menunjukkan perubahan penekanan yang diberikan oleh wartawan terhadap elemen penerangan dalam penulisan berita dalam akhbar sejak tahun 1934 apabila penekanan lebih tertumpu pada ‘kenapa’ berbanding ‘bagaimana’. Perubahan yang berlaku menunjukkan bahawa wartawan cuba melaporkan sesuatu peristiwa dengan cara yang lebih baik terhadap khalayak. Berita yang disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami memberikan maklumat secara terperinci dan menggambarkan fakta oleh wartawan (Barnhurst, 2014). Ketika ini, elemen penerangan mengenai sesuatu peristiwa hanya dilakukan dalam kolumnis dalam akhbar mengenai sesuatu isu sahaja. Menurut Barnhurst (2014) lagi, wartawan bertanggungjawab menerangkan sesuatu peristiwa hanya memfokuskan isu hiburan dan keganasan untuk menarik perhatian khalayak.

Manakala bagi media elektronik seperti televisyen, perubahan berita berlaku sejak tahun 1968. Pada tahun 1968, Steele dan Barnhurst (1996) mengatakan bahawa berita yang menumpukan kepada isu politik dilaporkan dalam bentuk gambaran terhadap peristiwa yang berlaku dan sesetengah memberi tumpuan kepada calon berbicara menjelang pilihan raya. Katanya lagi, wartawan akan memberi pendapat mengenai isu tersebut setelah calon bertindak balas terhadap berita yang dibingkaikan oleh wartawan di televisyen. Pada tahun 1972 televisyen lebih dominan dengan mengehadkan petikan suara ahli politik, mengurangkan rancangan mengenai kempen politik dan mengkritik penampilan ahli politik (Henry, 1985).


Kuasa yang dimiliki oleh wartawan ini mengetepikan ahli politik dalam media terutamanya. Walau bagaimanapun, peranan ahli politik dan wartawan mempengaruhi antara satu sama lain. Ahli politik dapat mempengaruhi wartawan dan secara tidak langsung khalayak melalui gambaran mesej yang disampaikan olehnya (Barnhurst, 2014). Tetapi, wartawan dapat mempengaruhi khalayak dan membuat polisi melalui analisis yang dilakukan terhadap peristiwa

atau isu, mengadili ahli politik dan cadangannya serta menyampaikan berita dalam corak penulisan interpretif yang lebih banyak (Barnhurst, 2012).

Perubahan tidak tertumpu pada televisyen semata-mata, malah media elektronik seperti radio turut mengalami perubahan. Sejarah bermulanya transformasi corak liputan radio dikesan pada tahun 1980 menerusi laporan *National Public Radio* (NPR). Program rancangan yang berkaitan dengan pilihan raya pertama pada tahun tersebut bermula dengan elemen interpretif mengalami peningkatan dengan memberi penekanan kepada pendapat berbanding informasi di radio pada ketika itu (Barnhurst, 2003).

Pengenalan internet kepada khalayak banyak memberi faedah kepada dunia kewartawanan akan tetapi ia juga memberi kesan negatif kepada dunia kewartawanan (Master, 2009) malah memberi impak kepada organisasi media (Harper, 2010). Selepas beberapa tahun internet diperkenalkan, muncul media sosial seperti *Friendster*, *Myspace*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Kemunculan media sosial ini juga telah menelan dunia kewartawanan dan segala-galanya seperti kempen politik, sistem perbankan, industri hiburan, runcit, walaupun keselamatan (Bell, 2016). Kajian yang dilakukan oleh Barnhurst (2002), kecenderungan corak liputan ke arah interpretif telah meningkat sejak tahun 2001 dan kemuncak pada tahun 2010 (Barnhurst, 2012). Elemen ‘analisis’ berita diberi penekanan terhadap laporan berita bukan kolumnis atau ruangan pendapat dalam akhbar atas talian (Barnhurst, 2014).

Rajah 1: Perubahan Corak Penulisan akhbar di Malaysia



Fenomena transformasi corak penulisan ini bukan sahaja berlaku di negara barat, malah ia turut berlaku di peringkat lokal iaitu Malaysia. Perubahan corak penulisan dapat dikesan bermula tahun 1997 (Rajah 1) berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Zuwairi Mat Saad et al. (2016). Perubahan yang berlaku adalah selepas kemasukan internet ke Malaysia iaitu pada awal 1990-an. Wartawan menggunakan corak penulisan gabungan di antara deskriptif dan

interpretif walaupun masih tiada laporan berita interpretif. Walau bagaimanapun, kewujudan elemen-elemen interpretif dapat dikesan.

Rentetan daripada kronologi perubahan yang berlaku terhadap media cetak, elektronik dan media baru menunjukkan bahawa perubahan peranan yang dimainkan oleh wartawan sebagai pemerhati (deskriptif) kepada penganalisis (interpretif) (Patterson, 2000). Keperluan khalayak juga memainkan peranan penting dalam dunia kewartawanan. Khalayak pada awalnya hanya mendapat maklumat dalam bentuk laporan, berubah kepada berita yang lebih panjang dalam bentuk penceritaan yang memberi penekanan kepada ‘penerangan’ ‘penilaian’ dan ‘analisis’ apabila berita mengalami transformasi. Perkembangan teknologi telah memberi pilihan terhadap khalayak dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Berita yang lebih terperinci berjaya menarik perhatian khalayak yang lebih besar.

Gabungan diantara berita dalam media cetak, elektronik dengan media baru iaitu internet memberi impak kepada khalayak dari sudut kecepatan penerimaan maklumat. Wartawan boleh menggunakan medium baru iaitu internet dalam menyediakan maklumat kepada khalayak dan tidak hanya bergantung kepada media konvensional (media cetak, elektronik). Perubahan yang berlaku terhadap corak liputan berita memberikan satu peluang kepada wartawan untuk menggabungkan ilmu, kreativiti dengan menggunakan teknologi yang dapat menarik perhatian khalayak. Perkembangan teknologi seiring dengan transformasi yang berlaku dalam dunia kewartawanan memberikan wartawan pilihan untuk meneruskan kerjaya profesional mereka (Barnhurst, 2014).

PENGARUH CORAK PENULISAN WARTAWAN

Apabila mengkaji tentang corak penulisan wartawan, ia dikaitkan dengan konsep peranan wartawan yang dapat mempengaruhi kerjaya mereka sebagai wartawan (Van Dalen, De Vreese dan Erik 2012). Kajian awal tentang peranan wartawan dalam bilik berita berbalik kepada kajian yang dilakukan oleh Cohen (1963) yang menjadikan wartawan asing sebagai subjek kajian. Manakala Johnstone, Slawski dan Bowman (1976) dan Weaver, dan Wilhoit (1986) melakukan kajian tinjauan terhadap wartawan, dan tujuan kajian adalah untuk melihat bagaimana wartawan dunia melihat kerja profesional mereka (Hanitzsch, Hanusch & Mellado 2010).

Flegel dan Chaffee (1971) adalah antara pengkaji awal yang menjalankan kajian tentang pengaruh persepsi terhadap wartawan. Dalam kajian mereka, terdapat 17 orang wartawan di Wisconsin yang mendapati bahawa kepentingan khalayak menjadi sumber pengaruh yang paling besar. Manakala, Weischenberg, Loffelholz dan Scholl (1998) menggunakan kaedah penyelidikan yang sama, iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik terhadap 1,500 orang wartawan Jerman. Hasil kajian mendapati bahawa wartawan saling bergantung antara satu sama lain terutamanya dengan rakan-rakan mereka dan kumpulan yang sama. Kaedah temu bual juga dijalankan dalam kalangan wartawan dan mendapati bahawa persekitaran tempat kerja memberi pengaruh yang besar dan dominan dalam menjalankan kerja mereka sebagai wartawan berbanding faktor-faktor luaran.

Kajian-kajian lalu yang dilakukan oleh beberapa pengkaji sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran bahawa wartawan memainkan peranan penting dalam bilik berita. Pada peringkat

permulaan dalam melaporkan berita, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi wartawan dalam bilik berita. Merujuk kepada faktor yang mempengaruhi wartawan dalam menstrukturkan berita yang berkualiti, ia meliputi faktor dalaman dan faktor luaran. Terdapat dua faktor dalaman kewartawanan dalam mengenal pasti bagaimana wartawan dan organisasi berita mempengaruhi corak pemberitaan iaitu pengaruh dalaman wartawan (ideologi, sikap, norma profesional) dan rutin organisasi (orientasi politik sebagai medium) (Shoemaker & Reese 1996).

Manakala bagi faktor luaran, faktor-faktor yang mempengaruhi wartawan dalam menghasilkan berita ialah hubungan berterusan antara wartawan dan golongan elit (Gans 1979; Tuchman & Gaye 1978), perubahan sosial (Cooper 2002; Snow dan Benford 1992), ahli politik, kuasa serta kumpulan berkepentingan dan golongan elit (Gans 1979). Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Shoemaker, dan Reese (1996) berhujah bahawa peranan profesional dalam dunia kewartawanan memberikan pengaruh terhadap kandungan berita disebabkan apa yang bernilai difikirkan komunikator untuk menyampaikan kepada khalayak dan bagaimana sesuatu berita itu patut dicorakkan.

Corak kerja wartawan sejak akhir-akhir ini mengalami perubahan apabila munculnya teknologi yang kian canggih dalam dunia kewartawanan. Amalan kerja sehari-hari banyak dipengaruhi oleh teknologi dan ia turut memberi kesan kepada bilik berita. Beberapa sarjana memberi penekanan terhadap keperluan dalam dunia penyelidikan bagi memberi jawapan kepada persoalan seperti bagaimana teknologi memberi perubahan dan pengaruh kepada amalan bekerja, peranan sumber, dan kandungan berita itu sendiri (Cottle, 2003; Schudson, 2005). Teknologi baharu memberi kesan kepada penerbitan dan output berita, malah dapat dijangkakan bahawa kesan teknologi baharu akan menyeragamkan organisasi berita.

Sebaliknya, kajian mungkin dilihat dengan mengkaji kesan yang berbeza, bergantung pada aplikasi teknologi yang berbeza dan seterusnya adalah bergantung pada matlamat organisasi (Ursell, 2001). Manakala bagi Pavlik (2001) kajain perlu dilakukan dalam melihat perubahan teknologi pada asasnya membentuk semula hubungan dalam kalangan organisasi berita, wartawan dan khalayak, pesaing, sumber berita, penaja dan kepada sesiapa yang melihat media bertujuan untuk memantau atau mengawal media. Hal ini kerana, Deuze (2008) menyifatkan bahawa kesan teknologi membawa kepada peningkatan permintaan dan tekanan kepada wartawan. Wartawan perlu mempelbagaikan kemahiran dalam melakukan kerja di bawah tekanan masa dan jumlah berita dalam satu organisasi media atau lebih.

Seterusnya, wartawan dihujani dengan pelbagai informasi melalui pelbagai medium seperti internet, akhbar, radio, majalah, televisyen dan sumber mereka. Tugas sebagai wartawan dalam pemilihan dan membentuk kandungan berita dalam kuantiti informasi yang kecil akan melalui proses penyuntingan berita oleh editor yang memberi pengaruh terhadap corak liputan berita. Menurut Chamil (2008), dalam organisasi media arus perdana di Malaysia, proses suntingan oleh *gatekeeper* paling tinggi adalah ketua pengarang kumpulan bagi akhbar, malah dibantu oleh sekumpulan editor-editor kanan yang bergelar timbalan ketua pengarang, pengarang kumpulan, timbalan pengarang kumpulan dan para eksekutif editor. Shoemaker, Vos dan Reese (2009) mengatakan bahawa proses suntingan ini termasuklah dari segi pemilihan, penulisan, penyuntingan, peletakan, penjadualan, pengulangan dan pelbagai kerja-kerja yang melibatkan

kandungan informasi untuk dijadikan berita. *Gatekeeper* mengawal informasi melalui saluran dan informasi di peringkat akhir iaitu berita (Shoemaker, Vos dan Reese 2009).

Pengkaji Hanitzsch et al. (2010) menemukan enam struktur dimensi berbeza iaitu politik, ekonomi, organisasi, profesional, pengaruh prosedur dan kumpulan berkepentingan yang telah membina struktur hierarki, iaitu pengaruh organisasi, profesional, dan prosedur dianggap sebagai lebih berkuasa dalam persekitaran kerja wartawan daripada pengaruh politik dan ekonomi terhadap corak berita wartawan.

Walau bagaimanapun bagi pengkaji Relly dan Bustamante (2014) mendapati pengaruh kuat datang dari luar bilik berita, iaitu ugutan dan jenayah yang keterlaluan telah dilakukan terhadap wartawan di sepanjang sempadan. Pengaruh pada peringkat individu adalah seperti kekurangan latihan terhadap berita konflik, keimbangan akan keselamatan, dan pengendalian trauma terhadap liputan keganasan adalah antara pengaruh yang kuat corak berita. Pada peringkat organisasi, pengaruh tersebut termasuklah polisi bilik berita dan urusan kewangan antara kerajaan dan perniagaan, ia juga mempengaruhi amalan kewartawanan. Pertambahan pengaruh dimasukkan dalam kajian ini iaitu pengaruh tahap antara media untuk menganalisis organisasi berita dan wartawan bersama-sama bekerja bagi meningkatkan keselamatan.

Secara rumusannya, kajian lalu yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa terdapat faktor dalaman (Chamil Wariya 2008; Shoemaker et al. 2009; Shoemaker, & Reese 1996; Weischenberg et al. 1998; You, & Ju 2015) dan faktor luaran (Flegel, & Chaffee 1971; Relly, Jeannine E. Bustamante 2014; Shoemaker, & Reese 1996) yang dapat mempengaruhi kerjaya sebagai seorang wartawan. Menurut Cottle (2003) dan Schudson (2005), kajian perlu dilakukan bagi memberi jawapan kepada persoalan tentang pengaruh teknologi dapat memberi kesan kepada wartawan. Oleh itu, dapatan kajian-kajian lalu akan dijadikan panduan dalam membentuk soalan bagi temu bual mendalam bagi melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi wartawan dalam perubahan corak penulisan berita pilihan raya di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan temu bual mendalam secara bersemuka. Temu bual mendalam adalah cara yang sesuai untuk mengkaji fenomena. Kita tidak boleh memahami tindakan manusia tanpa memahami makna sifat tindakan informan - fikiran mereka, perasaan, kepercayaan, nilai, dan kata-kata. Oleh itu, penyelidik perlu memahami perspektif yang lebih mendalam melalui temu bual bersemuka (Marshall dan Rossman 2010). Berger (2010) menunjukkan bahawa temu bual adalah unik dalam memberarkan penyelidik untuk masuk ke dalam fikiran orang ramai dan untuk mendapatkan akses kepada bahan-bahan penting yang besar. Temu bual mendalam adalah untuk mendapatkan jawapan yang lebih bermakna, bertanya soalan-soalan terbuka membolehkan responden untuk lebih menyatakan sikap dan persepsi mereka. Temu bual mendalam adalah penting untuk kajian seperti ini.

Informan bagi temu bual bersemuka ini ialah pengamal media Malaysia iaitu wartawan akhbar cetak (Utusan Malaysia dan Berita Harian) daripada latar belakang, peranan yang berbeza dan berpengalaman dalam kewartawanan politik. Persampelan bertujuan digunakan dalam memilih informan dengan mewujudkan beberapa ciri-ciri untuk memastikan ketepatan maklumat yang

telah dikumpulkan. Keseluruhan informan iaitu 6 orang wartawan yang terdiri daripada 3 wartawan Utusan Malaysia dan 3 wartawan daripada Berita Harian. Wartawan yang dipilih untuk kajian ini merupakan wartawan semasa atau bekas wartawan yang menulis artikel atau laporan berita mengenai isu semasa pilihan raya dari akhbar cetak merupakan informan kajian ini. Jumlah informan bagi temu bual mendalam untuk kajian yang berkaitan dengan fenomenologi memerlukan 5 sehingga 25 informan (Creswell, 1998; Morse, 1994). Manakala menurut Kuzel (1992) jumlah informan 6 hingga 8 sudah mencukupi bagi menjawab objektif kajian yang ingin dicapai jika informan mempunyai ciri-ciri yang sama. Kriteria pemilihan informan adalah berdasarkan kepada pengalaman wartawan dalam melaporkan berita pilihan raya sama ada pilihan raya kecil atau pilihan raya umum. Spesifiknya, sorang informan mewakili organisasi perlu mempunyai pengalaman 27 tahun atau lebih dalam dunia kewartawanan bersesuaian dengan unit analisis yang diambil sejak tahun 1987. Manakala dua informan yang lain perlu mempunyai pengalaman 5-27 tahun.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI CORAK PENULISAN INTERPRETIF

Hasil daripada temu bual mendalam yang telah dijalankan terhadap enam orang wartawan dan bekas wartawan daripada akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian mendapatkan bahawa terdapat enam faktor yang menyebabkan perubahan corak penulisan berlaku daripada deskriptif kepada corak penulisan gabungan.

Empat informan memberikan jawapan yang sama dalam hasil daripada temu bual mendalam. Mereka mengatakan faktor yang pertama adalah teknologi. Menurut informan BH-B dan UM-A, teknologi kini memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dalam waktu dan kejadian yang sebenar menerusi media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook*. Wartawan akan mendapatkan maklumat pada waktu tersebut dan menyebarkannya pada masa yang sama. Hal ini kerana melalui teknologi membolehkan wartawan menghantar sesuatu maklumat secepat mungkin kepada khalayak. Wartawan akan menyebarkan maklumat melalui berita portal atas talian terlebih dahulu. Manakala, maklumat terperinci mengenai sesuatu isu atau peristiwa akan disampaikan melalui akhbar cetak sama ada dalam bentuk corak penulisan deskriptif maupun interpretif.

Satu kerana teknologi, satu teknologi kerana aaa.. hari ni orang menaip apa yang diingat apa yang dia dapat dan dia ingat dan dia terus menaip kerana dia [wartawan] mengejar masa untuk membolehkan dia menghantar secepat mungkin kepada pembaca. [BH-B]

Yang keduanya adalah teknologi. Teknologi ICT, telah memungkinkan berita disebarluaskan pada waktu sebenar, pada kejadian berlaku. Misalnya kalau ada wartawan yang bukan hanya wartawan warga tetapi juga portal berita, surat khabar. Kemudian perkhidmatan tweet macam saya dapat sms katakan daripada media UMNO, mereka akan sms apa yang berlaku. Jadi kita tahu dah perlantikan hari ni najib umum rombakan kabinet cuma details tak da. Besok kita tengok lah. Itu sebab saya rasa aaa.. surat khabar dia kena combine dua-dua tu.. hybrid tu.. kewartawanan deskriptif dan juga ada benda yang masih boleh

deskriptif dan ada liputan yang dia kena buat secara interpretif. Itu trend..[UM-A]

Faktor media sosial diambil kira juga.. [UM -C]

Kemunculan media baru sedikit sebanyak memberi kesan kepada khalayak. Kini, khalayak mempunyai medium alternatif selain daripada bergantung pada media tradisional seperti media cetak dan media elektronik.

Teknologi sangat berpengaruh. Sebab utamanya orang tidak bergantung kepada media tradisional iaitu media cetak dan media elektronik semata-mata sebab ada media baru kan blog, Facebook, twiter, portal berita [UM-B]

Faktor yang kedua menyebabkan perubahan corak penulisan berlaku adalah disebabkan kelahiran wartawan warga ekoran daripada perkembangan teknologi. Kemunculan pelbagai laman sesawang seperti media sosial memberi kesan kepada dunia kewartawanan Malaysia dalam menyampaikan maklumat. Menurut UM-A, tugas wartawan warga akan melaporkan sesuatu isu, kejadian atau peristiwa serta merta. Manakala, wartawan akan mengambil isu yang diutarakan oleh wartawan warga dalam sudut yang berlainan. Hal ini kerana, jika wartawan menggunakan isu yang sama, isu yang disampaikan oleh wartawan kepada khalayak dianggap basi. Maka, wartawan akan berhijrah ke arah corak penulisan yang sedikit berbeza iaitu dengan menggunakan elemen interpretif ekoran daripada maklumat yang telah disampaikan oleh wartawan warga kepada khalayak bagi memenuhi keperluan khalayak dari sudut yang berlainan.

Satu pasal kelahiran wartawan warga la.. wartawan warga yang juga menyaksikan peristiwa dia juga akan melaporkan.. immediately.. serta merta. Jadi wartawan pulak dia tak boleh melaporkan benda yang sama esok. Dia macam ketinggalan. Tu yang saya rasa akhirnya dia akan berhijrah dengan interpretif tetapi tak sepenuhnya. Sebab untuk memenuhi untuk keperluan orang yang tidak terdedah. Saya rasa di situlah. [UM -A]

Manakala faktor yang ketiga yang mempengaruhi corak penulisan interpretif adalah disebabkan oleh corak politik. Informan BH-C mengatakan bahawa, terdapat perbezaan di antara corak politik kini dan dahulu. Pada masa kini, jumlah parti politik pembangkang lebih sedikit dan ini menyebabkan parti politik kerajaan lebih dominan. Secara tidak langsung ia memberi kesan kepada corak penulisan. Wartawan akan melaporkan berita mengenai sesuatu isu atau peristiwa melibatkan kedua-dua pihak iaitu parti kerajaan dan pembangkang berdasarkan keadaan politik semasa.

Mungkin sebab corak politik negara kita sendiri la kan. Macam dulu.. aa.. kita dapat lihat tak banyak parti politik pembangkang aaa.. apa.. parti politik yang pro government tu lebih dominan kan sekarang ni. Sekarang ni banyak part politik pembangkang.. aaaa... secara tidak langsung ia mengubah juga cara penulisan dia. So kena kita tak boleh macam nak ceritakan apa sahaja yang government buatkan. Kita kena ada kedua-dua pihak. Jadi corak pemberitaan tu berubah mengikut suasana politik semasa. [BH-C]

Kesan daripada corak politik semasa pada masa yang sama ia berkait rapat dengan faktor yang keempat iaitu corak pemikiran masyarakat pada masa kini.

Corak pemikiran juga mungkin masyarakat sudah semakin matang dorang tak cepat macam terima satu maklumat sahaja, mereka suka analisis dan membaca banyak sumber.. jadi kita tak boleh fit dorang dengan satu maklumat sahaja. Jadi itu yang kita perlu tahu. Bila kita menulis jadi kita kena setara dengan maklumat yang ada. [BH-C]

Pada masa kini penilaian masyarakat terhadap maklumat semakin matang. Masyarakat kini tidak hanya menerima satu sumber maklumat sahaja, malah masyarakat boleh membuat penilaian terhadap sumber-sumber maklumat lain. Berikutan daripada kematangan corak pemikiran masyarakat ini, wartawan perlu mengubah corak penulisan supaya maklumat dapat dimuatkan dalam satu berita yang sama.

Faktor yang kelima diperoleh berdasarkan temu bual yang telah dijalankan ialah pengaruh pemberitaan. Menurut BH-B, pengaruh pemberitaan bermaksud fakta dalam berita dikekalkan tetapi tidak dijadikan sebagai perkara yang utama. Hal ini kerana dunia kewartawanan kini telah memberi kesan dalam penyampaian maklumat setiap masa berbanding dengan dunia kewartawanan dahulu. Kewartawanan yang bersifat konvensional, laporan berita hanya dibuat selepas pulang daripada liputan sesuatu peristiwa.

Kedua pengaruh pemberitaan, corak pemberitaan hari ni aaaa.. fakta masih kekal tetapi bukan menjadi number satu. Maknanya corak pemberitaan ini perlu hebahan lebih awal. Fakta itu akan diletakkan secara berterusan dalam online selepas hebahan pertama dilakukan akan berlaku pindaan dan bahan kedua akan berlaku pindahan dan hebahan pindaan dan yang ketiga dan ini sedikit sebanyak adalah trend penulisan. [BH-B]

Perkembangan teknologi yang semakin canggih memberi kesan kepada dunia kewartawanan. Kini wartawan perlu mengemas kini setiap masa maklumat secara atas talian. Maklumat yang dikemas kini secara atas talian berdasarkan fakta semata-mata. Pindaan perlu dilakukan untuk dikeluarkan dalam akhbar pada keesokan hari dalam corak penulisan interpretif.

Apa nama dunia maya hari ni yang memerlukan setiap pemberita itu melaporkan every minute. Kalau dulu orang pergi tugas, balik tugas itu perlu jumpa editor untuk merangka intro, akhirnya editor akan menentukan inilah kepala berita yang perlu dilaksanakan. Dan dia mengambil masa berjam-jam untuk dilaksanakan. Oleh itu, kerana pada ketika itu medium hanya media cetak ketika itu. So that have important to do it. Sekarang dia tidak ada. Habis assignment dia hantar, habis assignment dia hantar. Kalau apa yang diperlukan dia update. Jadi inilah trend-trend interpretive yang kita dapat la. [BH-B]

Faktor yang keenam merupakan kepentingan organisasi yang memberi pengaruh kepada corak penulisan wartawan. Wartawan akan menyampaikan maklumat mengikut corak penulisan yang

telah ditetapkan oleh organisasi dalam melihat kepentingan media itu sendiri dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak. Elemen penerangan yang digunakan dalam laporan berita merupakan senjata bagi organisasi media dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak sama ada dari sudut positif maupun dari sudut negatif.

You tak payah interpret but the reporters will be interpret. Interpret apa yang you cakap melihat apa yang you faham, apa kepentingan dia.. kepentingan media dia, kepentingan akhbar dia.. jadi dia akan interpret mengikut apa yang dia rasa la.. yang akan dipakai dan digunakan oleh akhbar dia.. of course la dia akan tidak akan interpret yang negatif, mana parti yang dia sokong.. that's is normal dalam akhbar yang dimiliki atau dikuasai oleh parti-parti politik.[BH-A]

Apabila wartawan menggunakan corak penulisan yang berbeza seperti corak penulisan interpretif, mesej yang disampaikan oleh wartawan akan sampai kepada khalayak. Wartawan akan menerangkan kepada khalayak merujuk kepada kepentingan organisasi media. Jika berita memfokuskan kepada berita politik, wartawan akan merujuk kembali kepada pemilikan organisasi dalam menyampaikan maklumat.

You buat pasal pilihan raya berita harian.. then you tengok akhbar apa.. utusan and berita harian.. of course, goes without saying laaa eh.. paper ni adalah paper yang memihak la.. aaa.. kadang-kadang you tau la dalam pemberitaan ni you mesej you tak dapat tau berita you tak sampai.. ada unsur-unsur atau elemen yang you boleh interpret you boleh interpret dan you boleh describe. Kita gunakan tu untuk kita katakan keburukan ke kebaikan ke.. you boleh buat macam tu.. tanpa menyalahi facts ya.. you cakap benda tu.. satu lagi.[BH-A]

Manakala faktor yang terakhir ialah kemahiran wartawan dalam sesuatu bidang disebabkan oleh bidang pendidikan seseorang wartawan. Bidang pendidikan bukan hanya dalam bidang kewartawanan semata-mata malah ada sesetengah wartawan yang berada dalam bidang ini mempunyai latar belakang bidang pendidikan yang berbeza. Hal ini kerana bidang pendidikan memainkan peranan penting dalam dunia kewartawanan dan dalam masa yang sama menjadikan seseorang wartawan itu pakar dalam penulisan. Justeru itu, dengan adanya bidang pendidikan tertentu wartawan dapat memainkan peranan dalam advokasi. Hal ini kerana tidak semua wartawan dapat memberi pandangan mengenai sesuatu isu. Secara tidak langsung pendidikan seseorang wartawan dapat mempengaruhi peranan dan dalam corak penulisan berita.

Yang kedua generasi wartawan yang baru masuk ni kan.. dia mungkin bukan sahaja dalam bidang kewartawanan tapi dalam bidang sains, perubatan. Jadi ada bidang kepakaran dia boleh menulis. Mengapa kita akan berhijrah kepada interpretif journalism. Satu teknologi dan kedua wartawan yang merasakan dia juga pakar. Dia juga pakar ekonomi misalnya dia kelulusan ekonomi dia masuk tu.. dia tahu. [UM-A]

Itu juga yang ada dalam kolumn kita memberi pandangan. Tak semua orang memberi pandangan. Dia mesti ada some expertise la dalam bidang tu.. ada bidang kepakaran dalam bidang yang dia nak sentuh tu la.. saya rasa.. jadi itu

yang saya rasa.. satu lagi dia ada advocacy role tu.. kadang-kadang wartawan lupa.. disitu saya nampak bahawa teknologi satu kalau di Malaysia.[UM-A]

Kalau dari latar belakang wartawan berbeza ada kelebihan juga tau dia mungkin akan struggle pada awal-awal tapi selepas tu bila kuasai setiap asas tu dia ada satu knowledge lain yang orang lain tak da la ni kann..[UM -B]

Soalan turut diajukan mengenai relevan penggunaan corak penulisan 5W1H dalam pelaporan berita bingkai pilihan raya kecil pada masa kini. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, informan mengatakan bahawa ia masih relevan digunakan. Malah konsep 5W1H masih penting dan kekal dalam penulisan berita. Malah ia merupakan asas kepada pembelajaran penulisan berita. Hal ini kerana, elemen-elemen tersebut merupakan perkara penting termasuk penggunaan piramid terbalik dalam penulisan berita. Tanpa konsep 5W1H berita yang dikeluarkan tidak lengkap dan tergantung.

Bagi saya itu basic yang penting.. aaaa... kalau tak dimasukkan dalam laporan berita pun wartawan mesti tahu semua benda tu.. aa.. melalui subjek berita tu wartawan mesti tahu walaupun tak semua di masuk dalam berita tu..aa.. Benda tu memang perlu aaa.. rasanya benda tu akan maintain sampai bila-bila. Benda tu adalah elemen-elemen penting dalam berita termasuk piramid terbalik. Tapi tak untuk semua berita tapi maklumat tu wartawan perlu tahu walaupun ia tak tak di dimasukkan dalam artikel sebab itu semua maklumat penting. Tak semestinya ada dalam artikel. [BH-C]

Aaaaa... corak aaaa.. 5w1h dalam aaa.. proses aaa.. pembelajaran agak perlu sebab kerana kita perlu meletakkan basic lebih awal.. [BH-B]

Berbeza dengan pendapat UM-B, konsep 5W1H masih lagi digunakan tetapi menumpukan kepada sesetengah jenis berita sahaja.

Urmm.. untuk berita-berita tertentu digunakan macam crime, jenayah kan kat mana itu basic la diperlukan. Untuk politik saja tak sangat. [UM-B]

Menurut BH-B, Konsep 5W1H juga mempengaruhi situasi ‘cepat’ dan ‘tepat’ dalam penulisan berita. Berita perlu disampaikan kepada khalayak secepat mungkin. Ketepatan berita dapat dipertahankan apabila wartawan menggunakan konsep 5W1H dalam laporan berita


Kecepatan dan juga ketepatan ini.. kecekapan menjadi hundred percent berbanding dengan ketepatan. Ketepatan akan jadi second elemen akan support kemudian.. sebab 5w1h tu perlu diperkuuhkan. Kalau nak buat bangunan 5w1h lah tapi soal house style pemberitaan itu aaa.. adalah hak organisasi, tapi kalau organisasi kata begini kaedahnya begini house style itu yang menentukan. House style berita harian berbeza dengan house style utusan. Tetapi fakta tetap fakta, ketepatan tetap ketepatan. [BH-B]

For news, its relevan in works even you tak buat konsep tu now dalam new media orang akan kritik banyak benda yang tak complete. The that is thing kan orang

nak tau, who what when.. its normal orang nak tahu.. kalau tak de benda tu.. tergantung la berita you.. that one is must. Bagi saya dalam dunia journalism 5w1h is must. Then no questions about it. [BH-A]

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Penulisan konvensional kurang mendapat perhatian apabila munculnya corak penulisan baru iaitu corak penulisan interpretif dalam laporan berita. Hasil daripada temu bual memberi penerangan tentang apakah faktor yang menyebabkan perubahan corak penulisan berlaku di Malaysia. Kajian menemukan bahawa terdapat tujuh faktor (Rajah 2) yang menyebabkan perubahan corak penulisan berlaku iaitu corak politik, corak pemikiran masyarakat, teknologi, pengaruh corak pemberitaan, kepentingan organisasi, kelahiran wartawan warga dan yang terakhir merupakan kemahiran wartawan.



Rajah 2: Tujuh faktor perubahan corak penulisan

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor luaran lebih dominan berbanding faktor dalaman. Keperluan khalayak terutama terhadap maklumat semasa yang dilaporkan oleh wartawan dalam bentuk berita memberi kesan kepada perubahan teknik penyampaian dalam dunia kewartawanan.

Faktor perubahan juga menunjukkan perkembangan seiring dengan teknologi yang kian berkembang. Setiap faktor mempunyai kaitan antara satu sama lain. Ursell (2001) turut menyatakan bahawa peranan teknologi berkemungkinan mempunyai peranan yang berbeza dalam organisasi media. Bagi organisasi media di Malaysia, perkembangan teknologi dan transformasi corak penulisan bukan sahaja memberi impak kepada produksi berita dalam dunia kewartawanan, malah memberi kesan kepada bagaimana khalayak berfikir dalam mendapatkan sesuatu maklumat. Secara tidak langsung, wartawan melaporkan berita dengan lebih baik dan

dapat memperkayakan maklumat melalui penggunaan elemen interpretif semasa menyampaikan maklumat dalam berita bingkai pilihan raya terutamanya.

Walaupun tujuh faktor menyebabkan perubahan corak penulisan berlaku akan tetapi corak penulisan deskriptif dengan menggunakan konsep 5W1H masih lagi digunakan sehingga kini kerana ia merupakan salah satu konsep asas dalam penulisan berita. Bagaimanapun, hasil daripada temu bual mendalam mendapatkan bahawa, galakan diberikan kepada wartawan dalam menggunakan corak penulisan interpretif dan relevan digunakan pada masa kini. Hal ini kerana corak penulisan interpretif dapat memberi gambaran kepada khalayak tidak kepada menyampaikan fakta semata-mata (Mohd Zuwairi Mat Saad et al., 2016). Malah menurut Erik (2011), berita perlu disampaikan dalam pelbagai sudut yang berbeza.

RUJUKAN

- Ahmad Murad Merican. (2001). *The Journalist as Storyteller: Essays on the Scribe and His Times*. Subang Jaya: F.A.R Publishers.
- Barnhurst, K. (2014). The Interpretive Turn in News. In *Journalism and Technological Change* (p. 111). Frankfurt: Campus Verlag.
- Barnhurst, K. G. (2002). News Geography & Monopoly: The Form of Reports on U.S Newspaper Internet Sites. *Journalism Studies* 2, 3(4), 477–489.
- Barnhurst, K. G. (2003). The makers of meaning: National public radio and the new long journalism, 1980-2000. *Political Communication*, 20(1), 1–22.
- Barnhurst, K. G. (2012). “Trust me, I’m an innovative journalist”, and Other Fictions. In M. Broersma & C. Peters (Eds.), *Rethinking Journalism: Trust and Participation in a Transforming Media Landscape*. London: Routledge.
- Barnhurst, K. G., & Mutz, D. (1997). American journalism and the decline in event-centered reporting. *Journal of Communication*, 47(4), 27–53.
- Bell, E. (2016). Facebook is eating the world. Retrieved April 10, 2016, from http://www.cjr.org/analysis/facebook_and_media.php
- Berger, A. A. (2010). *Media and communication research methods* (2nd ed.). Thousand Oaks: Sage.
- Bondi, V., Harris-Fain, D., & Hipp, J. W. (1995). Media. In V. Bondi (Ed.), *American Decades 1930-1939* (pp. 340–380). Topeka, Kansas: Gale Research Inc.
- Chamil Wariya, . (2008). *Penulisan berkesan media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: Malaysia Press Institute.
- Cottle, S. (2003). Media organisation and production: Mapping the field. In S. Cottle (Ed.), *Media organisation and production*. London: Sage.
- Creswell, J. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- David, A. D. (2014). 5W1H: Write Like a Journalist. Retrieved from <http://www.davebaldwinconsulting.com/5W1H.html>
- Deuze, M. (2008). Understanding Journalism as Newwork: How It Changes, and How It Remains the Same. *Communication and Culture*, 5(2), 4–23.
- Erik, A. (2011). The interaction between experts and journalists in news journalism. *Journalism*,

- 12(3), 335–348.
- Flegel, R. C., & Chaffee, S. H. (1971). Influences of Editors, Readers, and Personal Opinions on Reporters. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 48(4), 645–651. JOUR. <http://doi.org/10.1177/107769907104800404>
- Fleming, C., Hemmingway, E., Moore, G., & Welford, D. (2004). *An Introduction to Journalism*. London: Routledge.
- Forde, K. R. (2007). Discovering the explanatory report in American newspapers. *Journalism Practice*, 1(2), 227–244.
- Hanitzsch, T., Anikina, M., Berganza, R., Cangoz, I., Coman, M., Hamada, B., ... Yuen, K. W. (2010). Modeling perceived influences on journalism: Evifrnvr from a cross-national survey of journalist. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 87(1), 5–22.
- Hanusch, F., Hanitzsch, T., & Lauerer, C. (2015). “How much love are you going to give this brand?” Lifestyle journalists on commercial influences in their work. *Journalism*. JOUR. <http://doi.org/10.1177/1464884915608818>
- Harper, R. A. (2010). The Social Media Revolution: Exploring the Impact on Journalism and News Media Organizations. Retrieved November 17, 2015, from <http://www.inquiriesjournal.com/articles/202/the-social-media-revolution-exploring-the-impact-on-journalism-and-news-media-organizations>
- Henry, William, A. I. (1985). *Visions of America: How We Saw the 1984 Election*. Boston: Atlantic.
- Kuzel, A. (1992). Sampling in qualitative inquiry. In B. Crabtree & W. Miller (Eds.), *Doing qualitative research* (pp. 31–44). Newbury Park, CA: Sage.
- Landers, J. (2005). The national observer, 1962–77: Interpretive journalism pioneer. *Journalism History*, 31(1), 13–22.
- Lippmann, W. (2006). The Nature of News. In G. S. Adam & R. P. Clark (Eds.), *Journalism The Democratic Craft*. Oxford: Oxford University Press.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (2010). *Designing qualitative research* (5th ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Master, C. (2009). Media Insiders Say Internet Hurts Journalism. Retrieved from <http://www.theatlantic.com/magazine/archive/2009/04/media-insiders-say-internet-hurts-journalism/307410/>
- Mohd Zuwairi Mat Saad, Normah Mustaffa, Abdul Latiff Ahmad, & Badrul Redzuan Abu Hassan. (2016). Transformation of News Writing Patterns in Malaysia Mainstream Newspapers. *e-Bangi*, 11(300–316).
- Morse, J. (1994). Designing funded qualitative research. In N. Denzin & Y. Lincoln (Eds.), *Handbook for qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Patterson, T. E. (2000). The United States: News in a free-market society. In R. Gunther & A. Mughan (Eds.), *Democracy and the Media: A Comparative Perspective* (pp. 241–265). New York: Cambridge University Press.
- Pavlik, J. (2001). *Journalism and new media*. New York: Columbia University Press.
- Pradeep Kumar Dwivedi, . Ingita Pandey, . (2013). Role of media in social awareness. *International Journal of Humanities & Social Sciences*, 1(1), 67–70.
- Relly, Jeannine E. Bustamante, C. G. (2014). Silencing Mexico: A Study of Influences on Journalists in the Northern States. *The International Journal of Press/Politics*, 19(1), 108–131.
- Salgado, S., & Stromback, J. (2011). Interpretive journalism: A review of concepts,

- operationalizations and key findings. *Journalism*, 13(2), 144–161.
- Schramm, W. (1964). *Mass media and national development: The role of information in the developing countries*. Paris: Stanford University Press.
- Schudson, M. (1978). *Discovering the News: A Social History of American Newspapers*. New York: Basic Books.
- Schudson, M. (2005). Four approaches to the sociology of news. In J. Curran & M. Gurevitch (Eds.), *Massmedia and Society* (4th ed., pp. 172–197). London: Hodder Arnold.
- Shoemaker, P. J., Vos, T. P., & Reese, S. D. (2009). Journalist as Gatekeepers. In K. W. Jorgensen & T. Hanitzsch (Eds.), *The Handbook of Journalism Studies* (pp. 73–101). New York: Routledge.
- Shoemaker, P., & Reese, S. D. (1996). *Mediating the Message*. New York: Longman Publishers.
- Steele, H. A., & Barnhurst, K. G. (1996). The journalism of opinion: Network coverage in US presidential campaigns, 1968–1988. *Critical Studies in Mass Communication*, 13(3), 187–209.
- Ursell, G. (2001). Dumbing down or shaping up? New technologies, new media, new journalism. *Journalism*, 2(2), 175–196.
- Weaver, D. H. (1998). *The Global Journalist: News People around the World*. Cresskill, NJ: Hampton Press.
- Weaver, D. H., & Wilhoit, G. C. (1996). *The American Journalist in the 1990s: U.S News People at the end of an era*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Weischenberg, S., Löffelholz, M., & Scholl, A. (1998). Journalism in Germany. In D. Weaver (Ed.), *The Global Journalist. News People around the World* (pp. 229–256). Cresskill, NJ: Hampton Press.
- You, M., & Ju, Y. (2015). The Influence of Outrage Factors on Journalists' Gatekeeping of Health Risks. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 92(4), 959–969.

BIODATA

Dr. Mohd Zuwairi Mat Saad merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Bidang beliau adalah kewartawanan dan media baharu.

Emel: zuwairi@uum.edu.my

Prof. Madya Dr. Normah Mustaffa adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah kewartawanan, media baharu dan komunikasi visual.

Emel: normahm@ukm.edu.my